

BAB DUA

**REAKSI ORANG MELAYU TEHADAP
MALAYAN UNION SEPERTI YANG DI
GAMBARKAN OLEH *WARTA NEGARA***

REAKSI ORANG MELAYU TEHADAP MALAYAN UNION SEPERTI YANG DI GAMBARKAN OLEH *WARTA NEGARA*

Pendahuluan

Sebagai akhbar yang popular di utara Tanah Melayu, *Warta Negara* banyak memberikan pandangan tentang politik Melayu semenjak mula diterbitkan. Hal ini lebih menyerlah lagi apabila rancangan Malayan Union diumumkan di mana *Warta Negara* semakin ghairah memberikan pandangannya berkenaan politik orang Melayu melalui rencana atau berita yang disiarkan dalam akhbar tersebut. Malahan tindakan *Warta Negara* ini adalah seperti menyokong dan mempersetujui perjuangan orang Melayu menentang Malayan Union. Sebenarnya peristiwa Malayan Union inilah yang telah menyebabkan orang Melayu aktif berpolitik berbanding sebelumnya.

Rancangan Malayan Union

Akhbar-akhbar Melayu banyak memberikan pendapat tentang Malayan Union dan implikasi daripada pelaksanaan Malayan Union terhadap orang Melayu. Malahan *Warta Negara* adalah di antara akhbar yang aktif menyiarkan pandangan melalui laporan atau berita tentang Malayan Union dan reaksi orang Melayu dalam menghadapi kemelut Malayan Union selain daripada akhbar *Majlis* dan *Utusan Melayu*. Di samping itu juga, *Warta Negara* telah memberikan sokongan yang agak kuat kepada orang Melayu dalam menentang Malayan Union

dengan cara menyiarkan berita-berita tentang keburukkan Malayan Union jika ia dilaksanakan.

Selain itu juga, *Warta Negara* sering menyiarkan berita jika ada demonstrasi-demonstrasi yang dilakukan oleh orang Melayu dalam menentang Malayan Union. Ini adalah bertujuan untuk menaikkan semangat orang Melayu untuk menceburkan diri dalam politik dalam usaha menentang Malayan Union. Bagi *Warta Negara*, orang Melayu semakin aktif berpolitik semenjak rancangan Malayan Union diumumkan. Bukan sahaja orang Melayu dari golongan atasan seperti Dato' Onn²⁵ dan Tunku Abdul Rahman²⁶ yang menceburkan diri dalam politik tanah air tetapi juga rakyat jelata yang terdiri daripada petani dan peladang²⁷ yang tinggal di kawasan pendalaman juga turut terlibat.

Jika kita teliti rancangan Malayan Union ini telah pun dirancang sejak tahun 1943 lagi iaitu di antara White Hall serta Pejabat Perang pada bulan Februari 1943, manakala pada bulan Julai 1944 pula, kedua-dua badan ini telah pun bersetuju untuk menubuhkan *The Malayan Planning Unit*.²⁸ Kemudiannya dalam tahun itu juga Kabinet Perang telah mengeluarkan arahan-arahan tertentu yang berkaitan dengan pentadbiran di Tanah Melayu. Hasil daripada itu, satu Jawatankuasa Kabinet mengenai Malaya dan Borneo telah dibentuk pada 6 Januari 1944. Jawatankuasa ini ditubuhkan untuk mengkaji pelbagai perkara termasuklah rancangan untuk menyatukan negeri-negeri yang ada dalam Tanah Melayu

²⁵ *Warta Negara*, 26 Februari 1946.

²⁶ *Warta Negara*, 21 Januari 1946.

²⁷ *Warta Negara*, 21 Januari 1946.

²⁸ Ramlah Adam, *Umno Organisasi dan Kegiatan 1945-1951*, Kelantan: Nawi Book Store, 1978, hlm. 2.

selepas Perang Dua Kedua dan selepas Jepun menyerah kalah.²⁹ Selain itu juga, ianya adalah bertujuan untuk mencekapkan pentadbiran British di Tanah Melayu.³⁰

Jawatankuasa Kabinet Perang yang ditubuhkan oleh British ini dianggotai oleh Clement Attlee iaitu sebagai Lord President dan Edward Gent iaitu selaku Setiausaha Tanah Jajahan pada masa tersebut.³¹ Haruslah diingatkan di sini bahawa kuasa sebenarnya yang membuat dasar mengenai *Malayan Union* bukanlah *Malayan Planning Unit*, tetapi Pejabat Perang dan badan yang paling memainkan peranan penting dalam hal ini ialah Pejabat Tanah Jajahan Malaya. Manakala pegawai yang bertanggungjawab adalah Edward Gent. *Malayan Planning Unit* hanya bertanggungjawab untuk menyediakan butir-butir terperinci mengenai rancangan *Malayan Union* sahaja.³²

Cadangan mengenai *Malayan Union* telah diumumkan oleh George Hall iaitu Setiausaha Negara bagi Tanah Jajahan sewaktu Persidangan Parlimen yang beriangsung di Dewan Rakyat Britain pada 10 Oktober 1945.³³ Sebelum ini rancangan tersebut masih lagi menjadi rahsia kerajaan British.

Dalam Persidangan Parlimen tersebut, Sir Harold MacMichael telah dilantik secara rasminya untuk menjadi wakil British ke Tanah Melayu bagi mendapatkan persetujuan dan tandatangan Sultan dan Raja-raja Melayu. Sehubungan dengan itu, pada 11 Oktober 1945 iaitu sehari selepas pengumuman rancangan *Malayan*

²⁹ Zakiah Hanum, *Tercabarnya Maruah Bangsa*, Kuala Lumpur: Lajmeidakh Sdn. Bhd, 1987, hlm. 7.

³⁰ *Warta Negara*, 24 Januari 1946.

³¹ Zakiah Hanum, *Tercabarnya Maruah Bangsa*, *op. cit.*, hlm. 7.

³² *Ibid*, hlm., 7.

³³ Lanore Manderson, *Wanita Dan Politik: Pergerakan Kaum Ibu Umno Malaysia 1945-1972*, Kuala Lumpur: Fajar Bakti, 1981, hlm. 63.

Union di Dewan Rakyat maka, Harold MacMichael telah dihantar ke Tanah Melayu untuk mendapatkan tandatangan sultan-sultan atau raja Melayu. Ini adalah berdasarkan arahan yang telah dikeluarkan secara rasmi melalui surat kuasa oleh Kerajaan British yang berbunyi:

“...tuan diberi kuasa sebagai wakil khas Kerajaan Baginda King membuat satu perjanjian yang bersurat betul-betul dengan tiap-tiap seorang raja-raja Melayu itu bagi pihak Kerajaan Baginda King dengan masing-masing raja Melayu akan menyerahkan sepenuhnya kekuasaan di dalam negerinya kepada yang Maha Mulia Baginda King”³⁴

Apabila Malayan Union telah diperkenalkan oleh British di Tanah Melayu maka secara automatiknya Tanah Melayu akan kehilangan dan terhapusnya Dasar Perlindungan yang telah diamalkan oleh British sebelum ini. Dasar Perlindungan ini adalah bertitik tolak daripada Perjanjian Pangkor 1874 yang telah ditandatangani di Pulau Pangkor dahulu. Dengan ini maka, akan bermulalah pula era penjajahan British secara mutlak di Tanah Melayu. Oleh itu orang Melayu akan kehilangan hak di negeri mereka dan kedudukan mereka adalah sama dengan kaum pendatang yang lain seperti mana yang terkandung dalam Perlembagaan Malayan Union.

Perlembagaan Malayan Union telah dirangka oleh British mempunyai 27 fasal (Sila lihat lampiran ‘2’). Kesemua fasal ini telah terkandung dalam *Summary Of Proposed Constitutional Arrangement*.³⁵ Antara beberapa perkara penting yang digariskan dalam Perlembagaan Malayan Union adalah Kesatuan Malaya

³⁴ UMNO, *UMNO Sepuluh Tahun*, Kuala Lumpur: Pengurus Daud Press hlm. 14.

³⁵ Malayan Union And Singapore, *Summary Of Proposed Constitutional Arrangements*, Secretary Of State For Colonies To Parliament by Command Of His Majesty, London, 1946, hlm. 1-10 dalam Norlizanawati Md Ali, “Malayan Union Dan Politik Melayu”, (Latihan Ilmiah Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1998/1999), hlm. 146.

akan diketuai oleh seorang Gabenor yang berkuasa penuh di dalam perkhidmatan awam dan tidak akan bertanggung jawab kepada Majlis Undangan. Ianya bermaksud telah ada pecahan kuasa antara kuasa eksekutif dan legiatif.

Selain itu, dalam Perlembagaan Malayan Union ini, sultan akan menjadi ahli Majlis Penasihat Melayu (*Sultan Advisory Council*) yang akan ditubuhkan di tiap-tiap negeri. Majlis ini akan dipengerusikan oleh Raja-raja Melayu.³⁶ Majlis ini hanya akan menguruskan hal ehwal agama Islam sahaja.³⁷ Bahasa rasmi yang akan digunakan dalam Majlis ini adalah Bahasa Melayu.³⁸ Di samping itu juga, Majlis ini berperanan untuk menasihati Raja-raja Melayu dalam lain-lain perkara.³⁹ Di sini *Warta Negara* telah melihat bahawa tidak ada keistimewaan untuk orang Melayu dan pembesar Melayu. Keadaan ini adalah sama seperti zaman pendudukan Jepun.⁴⁰ Manakala Gabenor Malayan Union mempunyai kuasa mutlak untuk melantik Ahli Majlis Penasihat Melayu.⁴¹

Selain itu juga, Majlis ini mestilah bersidang sekurang-kurangnya sekali dalam setahun.⁴² Gabenor Malayan Union ini mempunyai kuasa veto dalam membuat sebarang keputusan.⁴³ Oleh itu, yang menjadi persoalannya di manakah letaknya peranan dan kuasa sultan Melayu dalam Majlis ini? Sebenarnya sultan Melayu sudah tidak mempunyai kuasa lagi selain daripada kuasanya dalam

³⁶ Malayan Union, *Malayan Union Government Gazzete Extraordinary*, Kuala Lumpur: 1946 hlm. 17.

³⁷ *Warta Negara*, 28 Januari 1946.

³⁸ Malayan Union, *Malayan Union Government Gazzete Extraordinary*, *op. cit.*, hlm. 18.

³⁹ Suhaimi Mokhtar, *Warisan Pimpinan UMNO*, Petaling Jaya: Penerbit Pena Sdn. Bhd. 1998, hlm. 5.

⁴⁰ *Warta Negara*, 24 Januari 1946.

⁴¹ Suhaimi Mokhtar, *Warisan Pimpinan UMNO*, *op.cit.*, hlm. 5.

⁴² Malayan Union, *Malayan Union Government Gazzete Extraordinary*, *op. cit.*, hlm. 18.

⁴³ Ramlah Adam, *Senator Ibrahim Abdullah: Menabur Budi Menyokong Nusa*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1999, hlm. 37.

mengendalikan hal agama Islam di negeri masing-masing dan adat resam orang Melayu sahaja dan yang bukan Melayu adalah menjadi rakyat Malayan Union.⁴⁴ Menurut pandangan *Warta Negara*, menunjukkan bahawa pengenalan Malayan Union adalah untuk mengambil alih kuasa pembesar dan Raja-raja Melayu.⁴⁵

Di dalam Perlembagaan Malayan Union juga, Singapura akan dijadikan negara Jajahan yang berasingan⁴⁶ atau di kenali sebagai Jajahan Mahkota (*Crown Colony*) dan akan mempunyai Gabenor dan majlisnya yang tersendiri. Manakala Negeri-negeri Melayu Bersekutu (NMB), Negeri Melayu Tidak Bersekutu (NMTB) serta Negeri Selat (NS) kecuali Singapura akan dimasukkan dalam satu pentadbiran yang dikenali sebagai Kesatuan Malaya atau nama popularnya ialah Malayan Union.

Mengenai syarat kewarganegaraan pula, ianya telah dilonggarkan. Ini akan dapat dilihat di mana kerakyatan Malayan Union adalah berdasarkan 'Prinsip Jus Soli' (kelahiran). Ianya membawa maksud sesiapa yang lahir sahaja di Malayan Union iaitu pada ataupun selepas pelaksanaan Malayan Union ia akan diberikan Kerakyatan Malayan Union.⁴⁷ Selain daripada itu juga mengenai kerakyatan lagi, sesiapa dilahirkan di luar Malayan Union iaitu dengan erti kata lain dia dilahirkan di negara lain selain daripada Malayan Union tetapi bapanya adalah warganegara Malayan Union atau pernah menjadi warganegara maka dia layak mendapat kerakyatan Malayan Union.

⁴⁴ *Warta Negara*, 13 Januari 1946.

⁴⁵ *Warta Negara*, 25 Januari 1946.

⁴⁶ *Warta Negara*, 24 Januari 1946.

⁴⁷ *Warta Negara*, 25 Januari 1946.

Di samping itu juga, sesiapa yang berumur 18 tahun atau keatas yang merupakan penduduk yang telah tinggal di Malayan Union ataupun Singapura pada tarikh pelaksanaan iaitu telah tinggal selama 10 tahun daripada 15 tahun,⁴⁸ iaitu tidak termasuk sewaktu pemerintahan Jepun di Malaya⁴⁹ dan telah bersumpah untuk taat setia kepada Malayan Union akan juga diberikan kerakyatan.⁵⁰

Apabila rancangan Malayan Union telah diisytiharkan di Parlimen British, respon orang Melayu masih belum lagi dapat diukur. Ini kerana menurut laporan yang dikeluarkan oleh akhbar *Majlis* dalam rencana pengarangnya ada menyatakan:

“...pandangan orang Melayu keatas hal ini belum jelas, tetapi walau bagaimanapun Sir Harold (MacMichael) akan berunding...”⁵¹

Yang pastinya rundingan akan diadakan di antara Raja-raja Melayu dan wakil Kerajaan British bagi memohon persetujuan Raja-raja Melayu bagi pelaksanaan Malayan Union. Ini adalah janji British. Tetapi, sejauhmanakah kebenarannya akan kita lihat nanti. Akhbar seperti *Utusan Melayu* ada juga menyebut bahawa:

“Adalah diharapkan Sir Harold MacMicheal tidak akan meminta keputusan dengan tidak memberikan secukup masa untuk sultan memikirkan cadangan yang amat luas daripada pemerintahan British...” “...diharapkan memberikan kemudahan bagi sultan memperolehi nasihat daripada rakyatnya. Selain itu juga telah diingatkan juga bahawa Sultan hendaklah menimbangkan hal tersebut dengan semasak-masaknya. Ini

⁴⁸ *Warta Negara*, 25 Januari 1946.

⁴⁹ Suhaimi Mokhtar, *Warisan Pimpinan UMNO*, *op. cit.*, hlm. 6.

⁵⁰ Norlizanawati Mad Ali, “Malayan Union Dan Politik Melayu”, (Latihan Ilmiah, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1998/1999), hlm. 26.

⁵¹ *Majlis*, 13 Oktober 1946.

kerana nasib orang Melayu adalah bergantung terhadap persetujuan Raja Melayu serta Sultan atau Raja Melayu hendaklah menepikan kepentingan diri supaya rakyat tidak akan menderita”⁵².

Tugas utama MacMichael dihantar ke Tanah Melayu adalah untuk berunding dengan Raja-raja Melayu bagi mendapat persetujuan melaksanakan Malayan Union. Tetapi sejauh manakah kejujuran British ini dalam memperolehi tandatangan Raja-raja Melayu? Adakah MacMichael berunding ataupun menggunakan paksaan untuk mendapatkan tandatangan Raja-raja Melayu?

MacMichael mendapatkan tandatangan Raja-raja Melayu

Maka pada tanggal 11 Oktober 1945 MacMichael telah tiba di Port Swettenham (Perlabuhan Kelang) untuk menjalankan misinya mendapatkan tandatangan Raja-raja Melayu. Setibanya beliau di Tanah Melayu, beliau disambut dan ditemani oleh seorang pegawai British iaitu Brig. A.T. Newbould sepanjang menjalankan misinya itu. Brig. A.T Newbould adalah salah seorang pegawai MCS (*Malayan Civil Service*) British yang berkhidmat di Tanah Melayu pada masa itu.⁵³ Kemudiannya apabila dilaksanakan Malayan Union ia menjadi Ketua Setiusaha Malayan Union. Setibanya MacMichael di Tanah Melayu beliau telah mengishtiharkan;

“Saya datang ke sini untuk menemui raja-raja Melayu dan membincangkan dengan mereka akan dasar baharu mengenai Malayan Union yang telah pun diputuskan di London.”⁵⁴

⁵² *Utusan Melayu*, 12 Oktober 1945.

⁵³ Zakiah Hanum, *Tercabarnya Maruah Bangsa*, *op. cit.*, hlm. 10.

⁵⁴ Baharuddin Abdul Majid, “SABERKAS, Gerakan Dan Perjuangannya”, (Latihan Ilmiah Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, 1975/1976), hlm. 202.

Selain itu antara kuasa yang terpenting yang telah diberikan oleh Kerajaan British terhadap MacMichael ialah kuasa untuk melaporkan sama ada Raja-raja yang terlibat itu perlu dikekalkan tahta atau dipecat. Inilah kuasa yang terbesar dimiliki oleh MacMichael dan menjadi senjata baginya untuk mendapatkan tandatangan sultan dan raja Melayu.

Selain itu, Raja-raja Melayu juga tidak dibenarkan untuk berbincang dengan para Pembesar Melayu mengenai persetujuan mereka terhadap penandatanganan Rancangan Malayan Union. Maka tidak hairanlah dengan mudah sahaja MacMichael telahpun mendapatkan tandatangan kesembilan orang Raja-raja Melayu dalam masa yang singkat.

MacMichael telah memulakan misinya mendapatkan tandatangan daripada Sultan Ibrahim (Johor) pada 20 Oktober 1945 dan diikuti oleh Sultan Hishammuddin Alam Syah (Selangor) pada 24 Oktober 1945, Sultan Abu Bakar Ri'atu'eddin (Pahang) iaitu pada 2 November 1945, Yang Di Pertuan Besar Tunku Abdul Rahman (Negeri Sembilan) pada 4 November 1945, Sultan Abdul Aziz (Perak) pada 22 Nov 1945, Sultan Badlishah (Kedah) pada 2 Disember 1945, Raja Syed Putra (Perlis) pada 12 Disember 1945.⁵⁵ Sultan Kelantan iaitu Sultan Ibrahim pula telah menurunkan tandatangan baginda pada 17 Disember 1945. Manakala Sultan Ismail Nasiruddin (Terengganu) pula telah menandatangani perjanjian tersebut pada 21. Disember 1945.⁵⁶

Dalam masa dua bulan sahaja MacMichael telah berjaya mendapatkan tandatangan kesembilan orang Raja-raja Melayu dengan mudah sahaja. Maka

⁵⁵ Lenore Menderson, *Wanita Dan Politik: Pergerakan Kaum Ibu UMNO*, *op. cit.*, hlm. 72.

⁵⁶ Ibrahim Mahmood, *Sejarah Perjuangan Bangsa*, Kuala Lumpur: Pustaka Antara, 1981, hlm. 49.

pada tarikh 21 Disember 1945, segala urusan berkenaan tandatangan sultan Raja-raja Melayu telah selesai. Ini satu kejayaan yang amat mengagumkan yang telah disumbangkan oleh MacMichael kepada Kerajaan British. .

Terdapat juga beberapa orang sultan yang enggan menurunkan tandatangan mereka dalam Perjanjian Malayan Union ini pada peringkat awalnya. Tetapi mereka ini kemudiannya telah diugut oleh MacMichael. Menurut pandangan *Warta Negara*, kesemua Raja-raja Melayu yang ditemui telah melahirkan rasa tidak puas hati dengan cara yang dilakukan oleh MacMichael untuk mendapatkan tangan mereka.⁵⁷ Antaranya adalah Sultan Kelantan. *Warta Negara* telahpun menyiarkan satu rencana berkenaan rasa tidak puas hati Sultan Kelantan iaitu Sultan Ibrahim berkenaan perjanjian yang telah ditandatangani oleh baginda.

Ini dapat dilihat di mana *Warta Negara* dalam keluarannya pada 22 Januari 1946 ada menyiarkan laporan berkenaan rasa tidak puas hati Sultan Kelantan itu. Sultan Kelantan telah mendedahkan bahawa surat perjanjian yang telah beliau tandatangani sebenarnya tidak langsung diberi oleh MacMichael untuk baginda dan penasihatnya melihat dan mengkajinya terlebih dahulu.⁵⁸ Selain itu juga, Sultan Kelantan menyatakan bahawa baginda telah ditipu kerana perjanjian yang ditandatangani tidaklah sama dengan apa yang terkandung dalam Kertas Putih. Menurut baginda lagi beliau hanya menandatangani perjanjian menambah Triti pada tahun 1910, sebahagian daripada perjanjian itu berbunyi:

“Orang Melayu di utamakan dengan raja atau sultan sebagai Ketua Kepada Semua Bangsa.”⁵⁹

⁵⁷ *Warta Negara*, 25 Februari 1946.

⁵⁸ *Warta Negara*, 22 Januari, 1946.

⁵⁹ *Warta Negara*, 22 Januari, 1946.

Oleh kerana menjengklakan bahawa hak keistimewaan orang Melayu dan kedudukan raja Melayu dikekalkan maka baginda pun menandatangani perjanjian tersebut. Tetapi mungkin Sultan Ibrahim tidak perasan atau terlupa kerana dalam perjanjian itu ada menyebut bahawa:

“...His Highness the Sultan agrees that His Majesty shall have full power and jurisdiction within the State of Kelantan.”⁶⁰

Melalui perenggan inilah digunakan oleh MacMichael dengan menyatakan bahawa Sultan Kelantan bersetuju dengan pelaksanaan Malayan Union. Tetapi harus ditegaskan di sini dalam perjanjian yang telah ditandatangani oleh Sultan Kelantan itu, tiada satu ayat atau perkataan pun yang menyebut mengenai Malayan Union, kerana dalam perjanjian tersebut hanya ada menyebut:

“... for the future government of the State Of Kelantan.”⁶¹

MacMichael memang bijak, dia menggunakan ayat ini bagi menterjemahkan apa yang akan dilakukan oleh Kerajaan British terhadap Negeri Kelantan pada masa akan datang. Bagi MacMichael, ayat ini merujuk kepada pelaksanaan Malayan Union yang akan dilaksanakan dalam sedikit masa lagi iaitu pada 1 April 1946. Oleh itulah Sultan Kelantan berasa tertipu kerana di dalam kandungan perjanjian itu tidak ada langsung menyebut perkataan “Malayan Union” dan syarat-syarat Malayan Union juga tidak diterangkan.

⁶⁰ Malayan Union And Singapore, *Summary Of Proposed Constitutional Arrangements*, London, Secretary Of State For Colonies to Parliament by Command Of His Majesty, hlm.,15, 1946, dalam Norlizanawati Md Ali, “Malayan Union Dan Politik Melayu”, (Latihan Ilmiah Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, 1998/1999), hlm. 147.

⁶¹ Malayan Union And Singapore, *Summary Of Proposed Constitutional Arrangement, op. cit.*, hlm. 15

Di samping itu juga, pada keluaran 7 Mac 1946 *Warta Negara* sekali lagi telah menyiarkan dan mendedahkan bahawa Sultan Kedah telah diugut untuk menurunkan tandatangan Perjanjian Malayan Union dan menyerahkan kuasa serta menyokong pelaksanaan Malayan Union di Tanah Melayu.⁶² Jika tidak, baginda akan diturunkan dari tahta.⁶³

Oleh kerana rasa tidak puas hati terhadap cara MacMichael mendapatkan tandatangan sultan Melayu maka sultan akan mengadakan satu mesyuarat yang akan berlangsung di Kuala Lumpur. Menurut pandangan *Warta Negara* Mesyuarat ini diadakan adalah atas desakkan orang Melayu.⁶⁴

Akhbar *Warta Negara* telah pun memberikan pandangan dan kecaman yang hebat mengenai cara MacMichael mendapatkan tandatangan sembilan orang Rajaraja Melayu. Hampir setiap hari ada sahaja berita yang disiarkan oleh *Warta Negara* mengenai protes orang Melayu terhadap pengenalan Malayan Union di Tanah Melayu bagi menggantikan pentadbiran *British Military Army* (BMA). Selain itu, *Warta Negara* melihat tindakan Persatuan Melayu Selangor yang telah menghantar telegram kepada Pejabat Kolonial sebagai satu tindakan yang bijak dan menyokongnya. Dalam telegram tersebut *Warta Negara* menyatakan bahawa:

“...semua orang Melayu Selangor menolak dan memprotes Rancangan Malayan Union yang memberikan kerakyatan kepada bukan Melayu.”⁶⁵

Walau bagaimanapun menurut *Warta Negara* lagi, Setiausaha Tanah Jajahan telah menafikan beliau turut bertanggungjawab terhadap tingkah laku

⁶² *Warta Negara*, 7 Mac 1946.

⁶³ *Warta Negara*, 7 Mac 1946.

⁶⁴ *Warta Negara*, 26 Februari 1946.

⁶⁵ *Warta Negara*, 30 Januari 1946

MacMichael dalam mendapatkan tandatangan Sultan Melayu. Beliau menyatakan bahawa dia tidak tahu tentang penipuan yang dilakukan oleh MacMichael dan beliau tidak pernah mengarahkan beliau mengugut sultan dan raja Melayu dalam memperolehi tandatangan mereka⁶⁶ seperti yang telah didakwa oleh sultan dan orang Melayu.

Sebenarnya Raja-raja Melayu bukannya seratus peratus mempersetujui rancangan Malayan Union tersebut, mereka terpaksa menandatangani perjanjian tersebut adalah kerana takut diturunkan tahta serta ada juga yang menghormati King England. *Warta Negara* sendiri telah melihat bahawa sultan-sultan tidak berpuas hati dengan Perjanjiaan Malayan Union yang telah ditandatangani. Mereka menyatakan cara yang digunakan oleh MacMicheal adalah secara penipuan dan tidak begitu jelas tujuannya. Jadi mereka telah membuat satu perjumpaan di antara raja-raja Melayu untuk bermesyuarat tentang ketidakpuasan hati mereka terhadap tandatangan tersebut di Kuala Lumpur.⁶⁷

Reaksi Orang Melayu Terhadap Malayan Union Menurut *Warta Negara*

Sebenarnya, selain daripada masalah tandatangan Perjanjian Malayan Union, orang Melayu menentang Malayan union adalah disebabkan mereka telah merasakan bahawa mereka akan kehilangan hak-hak di negeri sendiri. Ini telah dapat dilihat dengan jelasnya dalam dasar Malayan Union yang telah diluluskan oleh Parlimen British. Ini kerana bangsa lain iaitu kaum dagang seperti Cina dan India akan menikmati kerakyatan dan keistimewaan yang sama rata seperti orang

⁶⁶ *Warta Negara*, 18 April 1946.

⁶⁷ *Warta Negara*, 26 Februari 1946.

Melayu. Pada pandangan *Warta Negara*, adalah sangat sukar bagi orang Melayu untuk memberikan taraf politik yang sama rata bagi orang bukan Melayu.⁶⁸

Sememangnya British juga telah pun menjangkakan bahawa akan wujud sedikit tentangan daripada sultan-sultan Melayu mengenai pelaksanaan Malayan Union. Tetapi, British langsung tidak menyangka rancangan Malayan Union ini akan mendapat tentangan yang hebat daripada orang Melayu melalui demonstrasi yang dianjurkan oleh beberapa kesatuan dan pertubuhan yang wujud di seluruh Tanah Melayu.⁶⁹

Terdapat juga beberapa pertubuhan atau juga kesatuan yang berbau politik turut menentang Rancangan Malayan Union. Di antaranya adalah Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) sendiri. Walaupun pada awal pengumuman rancangan Malayan Union, PKMM telah menyokongnya. Menurut PKMM, mereka mengharapkan kebaikan daripada Malayan Union. Menurut PKMM lagi, Malayan Union ini akan dapat menyatukan umat Melayu iaitu dengan cara pemerintahan yang akan dijalankan mengikut suara ramai ataupun demokrasi. Selain daripada itu juga, pilihan raya akan diadakan maka dengan cara ini keadilan akan diperolehi.⁷⁰

Tetapi kemudiannya apabila telah mengetahui tipu helah British maka PKMM telah menarik diri daripada menyokong gagasan tersebut. Ini kerana belang Malayan Union telahpun kelihatan di mata PKMM. Walaupun terdapat prinsip dalam Malayan Union yang mengandungi Prinsip Kesatuan di dalamnya tetapi ia bukanlah membawa maksud sebagai sebuah negara yang merdeka

⁶⁸ *Warta Negara*, 27 Mei 1946.

⁶⁹ Zakiah Hanum, *Tercabarnya Maruah Bangsa*, *op. cit.*, hlm. 8

⁷⁰ *Pelita Malaya*, 21 Mac 1946

melainkan sebagai jajahan takluk Britain.⁷¹ Selain itu juga PKMM juga turut menentang cara dan tindakan Harold MacMichael mendapatkan tandatangan sultan dan raja Melayu. Menurut Ahmad Boestaman, ini adalah salah satu penipuan.⁷² Inilah diantara salah satu sebab orang Melayu menentang pelaksanaan Rancangan Malayan Union.

Bukan sahaja disebabkan kerana faktor paksaan ketika hendak mendapatkan tandatangan sultan dan raja-raja Melayu yang dilakukan oleh Sir Harold MacMichael ketika mendapatkan tandatangan Sultan dan Raja Melayu tetapi di samping itu juga adalah di sebabkan Raja kehilangan kuasa politiknya, pemberian hak kewarganegaraan yang mudah kepada bukan bumiputera akan menggugat kedudukan kaum Melayu dan cara yang tidak demokratik yang telah dikenakan terhadap Negeri-negeri Melayu serta pemisahan Singapura daripada Tanah Melayu. Inilah di antara sebab mengapa kemudiannya PKMM telah menentang pelaksanaan Malayan Union.⁷³

Walaupun kita sudah ketahui bahawa golongan yang dianggap radikal atau kiri seperti PKMM yang apa tanggapan sesetengah orang adalah “penentang” dan golongan yang fahaman politiknya yang lebih sederhana di anggap kanan atau sekular seperti Kesatuan Melayu Kedah (KMK) serta UMNO. Tetapi batinnya kedua-dua puak itu kanan dan kiri adalah sama dan serupa.⁷⁴ Masing-masing sayangkan hak pertuanan Melayu. Fahaman politik bukanlah soal utama lagi dan

⁷¹ Ahmad Boestaman, *Merintis Jalan Ke Puncak*, Kuala Lumpur: Penerbitan Pustaka Kejora, 1972, hlm. 59.

⁷² *Ibid.*, hlm. 60.

⁷³ Abu Hassan Bin Jantan, “Ahmad Boestaman ; Biografi Dan Penglibatan Politikanya Dalam KMM, Gyutai, BPM, KITA PKMM Dan Api”, (Latihan Ilmiah Jabatan Sejarah , Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1986/1987), hlm. 66.

⁷⁴ *Pelita Malaya*, 4 April 1946

golongan ‘kanan’ dan ‘kiri’ ini akan berganding bahu menentang pencabulan hak pertuanan Melayu melalui pelaksanaan Malayan Union. Bak kata pepatah, air dicincang tidak akan putus. Begitulah apa yang terjadi dengan golongan ini. Untuk kepentingan bangsa Melayu akhirnya mereka berjuang menentang Malayan Union

Walaupun pada mulanya PKMM telah mempersetujui Malayan Union dilaksanakan di Tanah Melayu kerana menjangkakan penyatuan seluruh Negeri-negeri Melayu akan membawa faedah yang besar kepada orang Melayu tetapi akhirnya mereka telah merasakan bahawa tidak wajar pelaksanaan tersebut kerana hak Melayu akan hilang dengan pemberian kerakyatan melalui prinsip Jus Soli.⁷⁵ Ini kerana dasar Jus Soli yang terkandung di dalam Perlembagaan Malayan Union adalah merugikan orang Melayu. Ini kerana kaum pendatang seperti Cina dan India yang menetap di Tanah Melayu akan diberikan hak kerakyatan yang sama rata dengan orang Melayu.⁷⁶ PKMM telah mula merasakan bahawa tidak sesuai Malayan Union dilaksanakan di Tanah Melayu. Perubahan pendirian PKMM terhadap Malayan Union ini dapat dilihat dalam akhbar rasminya iaitu *Pelita Malaya*. Antara yang disuarakan oleh *Pelita Malaya* ialah menyatakan bahawa Malayan Union telah dibawa masuk bukan secara demokratik ini adalah kerana sultan-sultan Melayu telah dipaksa untuk menerimanya⁷⁷ Bolehlah

⁷⁵ Ahmad Boestaman, *Merintis Jalan Ke Puncak op.cit.*, hlm. 60.

⁷⁶ Hari Ini Dalam Sejarah, *Pemubuhan Malayan Union*, Kuala Lumpur: Arkib Negara, siaran 1 April 1980

⁷⁷ *Pelita Malaya*, 4 Mac 1946.

dikatakan bahawa Malayan Union merupakan satu produk anti Melayu yang dilaksanakan oleh British.⁷⁸

“Semejak hari semalamlah juga Negeri-negeri Melayu sudah habis riwayatnya berganti dengan Gabenor Malayan Union sebagai wakil Duli Yang Maha Mulia Baginda King Raja Great Britian dan Jajahan takluknya.”⁷⁹

Selain daripada orang Melayu yang sudah semestinya telah menentang rancangan Malayan Union terdapat beberapa orang bekas pegawai Inggeris yang pernah berkhidmat di Tanah Melayu. Antara bekas pegawai tersebut yang turut sama mengecam peiaksanaan Malayan Union termasuklah R.O Winstedt, Frank Swettenham dan beberapa orang lagi. Mereka menganggap tidak wajar Malayan Union diperkenalkan di Tanah Melayu.

Pada pandangan *Warta Negara*, selain daripada bantahan yang ditunjukkan oleh orang Melayu, Malayan Union juga turut mendapat teguran daripada Soviet Union, Moscow telah membuat teguran yang keras dengan menyatakan bahawa British tidak wajar melaksanakan Malayan Union dan menindas penduduk bumiputera.⁸⁰

Di dalam Parlimen Britain telah diumumkan bahawa Sultan Kedah dan Perak telah pun menghantar bantahan terhadap syarat-syarat ‘Kertas Putih’ Malayan Union. Di mana dalam bantahan itu telah dinyatakan bahawa Sultan Kedah telah mendakwa penurunan tandatangan baginda adalah dengan cara paksa dan Sultan Kelantan pula menyatakan kepada rakyat baginda bahawa baginda

⁷⁸ Khong Kim Hoong, *British Rule And The Struggle For Independence Of Malaya, 1945-1957*, London, Institute For Social Analysis, 1984, hlm. 95

⁷⁹ *Pelita Malaya*, 18 April 1946.

⁸⁰ *Warta Negara*, 15 Mei 1946.

telah dipermainkan oleh MacMichael.⁸¹ Menurut *Warta Negara*, jika baginda tidak menandatangani perjanjian tersebut maka orang lain akan menandatangani dan diangkat atau dilantik mengantikannya sebagai Sultan Kelantan”⁸² Tetapi MacMicheal telah menafikan bahawa dia menggunakan cara paksa apabila meminta tandatangan Sultan Kedah.⁸³ *Warta Negara* telah memberikan sokongannya terhadap pernyataan yang dibuat Sultan Kelantan dengan menyatakan bahawa:

“...yang baginda telah diberikan kata dua dengan mulut iaitu jika baginda tidak menandatangani Perjanjian itu maka orang lain akan dilantik mengantikan baginda.”⁸⁴

Pada pandangan *Warta Negara* melalui pernyataan–pernyataan dan laporan yang dikeluarkannya akan dapat menaikkan lagi semangat orang Melayu untuk menentang Malayan Union. Menurut *Warta Negara* lagi, Sultan Perak juga telah menghantar kawat ke London setelah baginda menandatangani perjanjian itu.⁸⁵ Baginda telah menyatakan bahawa MacMichael telah menipu Raja-raja Melayu.⁸⁶ Menurut pandangan *Warta Negara* penghantaran kawat tersebut adalah berikutan tindakan orang Melayu Perak telah memohon kepada Sultan Abdul Aziz untuk menerangkan berkenaan tindakan baginda menurunkan tandatangan terhadap perjanjian tersebut Menurut *Warta Negara*, perkara sebegini tidak pernah dilakukan oleh rakyat sebelum ini. Tetapi apabila Malayan Union hendak dilaksanakan maka rakyat dengan beraninya menyoal tentang tindakan Raja-raja

⁸¹ *Majlis*, 21 Februari 1946.

⁸² *Warta Negara*, 7 Mac 1946.

⁸³ *Warta Negara*, 15. Febuari. 1946.

⁸⁴ *Warta Negara*, 15 Februari 1946.

⁸⁵ *Warta Negara*, 6 Februari 1946

⁸⁶ *Majlis*, 6 Februari 1946

mereka. *Warta Negara* melihat rakyat negeri Perak dengan begitu berani dan lantang telah menyoal Sultan Perak dan memohon supaya baginda menerangkan kepada sekalian rakyat bagaimana baginda boleh menandatangani perjanjian tersebut sehingga sanggup menyerahkan kedaulatan negeri Perak kepada British⁸⁷ tanpa berunding dengan rakyat dan pembesar Melayu Perak.

Pada pandangan *Warta Negara*, bantahan yang dikemukakan oleh sultan-sultan ini telah dijawab oleh Setiausaha Jajahan Takluk yang mana beliau telah menyatakan bahawa Dewan Orang Ramai Britain tidak membenarkan semua pihak menarik diri daripada perjanjian yang telah ditandatangani.⁸⁸ Perjanjian yang telah ditandatangani oleh sultan dan raja Melayu adalah dianggap sah oleh British serta tidak perlu dipersoalkan lagi kesahihannya.

Mengikut pandangan *Warta Negara* lagi, oleh kerana rasa bersalah yang teramat sangat terhadap orang Melayu dan tentangan yang semakin hebat dilancarkan oleh orang Melayu maka sultan-sultan Melayu telah berangkat untuk menghadap Baginda King di London. Tujuan mereka ke London adalah untuk melahirkan rasa tidak puas hati cara MacMichael mendapatkan tandatangan mereka.⁸⁹ Pemergian lapan orang Raja-raja Melayu ini telahpun diiringi oleh tiga orang wakil orang Melayu daripada Pertubuhan Melayu Bersatu.⁹⁰ Pemergian mereka ini adalah di atas desakkan rakyat yang mahukan mereka bertanggungjawab di atas tandatangan yang telah mereka turunkan. Oleh itulah untuk menjaga hati rakyat dan dengan rasa penyesalan yang menggunung tinggi

⁸⁷ *Warta Negara*, 26 Februari 1946.

⁸⁸ *Warta Negara*, 18 April 1946.

⁸⁹ *Warta Negara*, 26 April, 1946.

⁹⁰ *Warta Negara*, 13 Mei 1946.

maka kelapan-lapan orang Raja-raja Melayu telah bersetuju dan bersepakat untuk mengadap Baginda King di London bagi menarik balik tandatangan yang telah diturunkan. Inilah kali pertama dalam sejarah Tanah Melayu di mana Raja-raja Melayu telah bersetuju dan bersepakat untuk mengikut dan menuruti kehendak rakyat.

Selain itu, *Warta Negara* menyatakan bahawa Raja-raja Melayu telah sedar dan insaf bahawa kuatnya raja adalah kerana rakyat, dan kuatnya rakyat adalah kerana raja.⁹¹ Oleh itu kerana rasa bersalah yang teramat sangat kerana telah ‘menjual’ Tanah Melayu dan maruah bangsa Melayu maka sultan sanggup bersama rakyat menentang Malayan Union. Dengan ini dapat dilihat rakyat dan raja telah bersatu suara dan tenaga untuk membantah Malayan Union.⁹² Ini terbukti dengan jelasnya berapa orang sultan telah menghulurkan derma dan bantuan kewangan bagi membantu orang Melayu dalam membantah Malayan Union. Disamping itu juga sultan-sultan turut memboikot perlantikan Gabenor Malayan Union.⁹³

Selain itu juga *Warta Negara* telah menyatakan bahawa orang Melayu juga telah hilang kepercayaan mereka terhadap British.⁹⁴ Jika selepas Perang Dunia Kedua, sekembalinya British ke Tanah Melayu disambut dengan rasa syukur dan bangga kerana Tanah Melayu telah bebas daripada cengkaman Jepun yang dianggap kejam. British telah dianggap sebagai wira mereka yang telah menyelamatkan Tanah Melayu daripada terus ditakluk oleh Jepun. Tetapi

⁹¹ *Warta Negara*, 18 Oktober 1945.

⁹² *Majlis*, 6 Februari 1946.

⁹³ *Warta Negara*, 1 April 1946.

⁹⁴ *Warta Negara*, 13 Mei 1946.

pandangan ini kemudiannya telah berubah akibat pengenalan Malayan Union di Tanah Melayu.

Setelah rancangan Malayan Union diumumkan, British yang selama ini dianggap wira telah pun dianggap sebaliknya iaitu sebagai pertualang yang mahu memusnahkan bangsa Melayu di tanah air mereka sendiri. Bagi orang Melayu, British sudah tidak boleh dipercayai lagi. Oleh itu, orang Melayu telah berganding bahu menentang Malayan Union. Jika dibiarkan Malayan Union diteruskan maka bangsa Melayu akan “terhapus” di bumi mereka sendiri.

Menurut *Warta Negara* keadaan ini dapat dilihat di dalam setiap rapat umum yang di adakan telah mendapat sambutan yang menggalakkan daripada orang Melayu. Di Pulau Pinang sahaja kira-kira lima ribu orang telah menyertai rapat umum yang diadakan dengan membawa kain-kain pemedang yang bertulis bntahan terhadap Malayan Union.⁹⁵ Inilah hasil kesedaran politik orang Melayu selepas Perang Dunia Kedua. Oleh itulah *Warta Negara* telah giat menyiarkan laporan-laporan mengenai Malayan Union. *Waria Negara* telah menganggap pengenalan Malayan Union ini telah menguburkan hak orang Melayu dan *Warta Negara* amat menyokong tindakan orang Melayu membantah pelaksanaan Malayan Union di Tanah Melayu.⁹⁶

Warta Negara melihat akibat daripada pemaparan keburukan Malayan Union yang sering disiarkan di dalam beberapa akhbar Melayu seperti *Utusan* dan *Majlis* maka seluruh umat Melayu telah bangun menentang Malayan Union. Mereka menuntut keadilan kerana mereka telah merasakan diri mereka telah

⁹⁵ *Warta Negara*, 30 Mei 1946

⁹⁶ *Warta Negara*, 30 Mei 1946.

dianiaya, hak-hak mereka telah dicabuli dengan pengenalan Malayan Union. Bantahan ini dapat dilihat melalui tunjuk perasaan dan demonstrasi yang dilakukan oleh orang Melayu di merata-rata tempat tidak kira di bandar atau di kawasan pedalaman dan dihadiri oleh orang Melayu dari pelbagai lapisan masyarakat umur dan jantina. Di samping itu juga juga *Warta Negara* telah menyiarkan berita tentang penentangan terhadap Malayan Union setiap hari. Ini bertujuan bagi menunjukkan sokongan *Warta Negara* terhadap orang Melayu yang turut menentang Malayan Union dilaksanakan di Tanah Melayu. Sila lihat Lampiran '3'.

Penentangan terhadap Malayan Union terus berlaku dengan hebatnya. Orang Melayu di semua peringkat daripada lapisan bawah hinggalah yang berjawatan tinggi hendak meletakkan jawatan mereka kerana tidak bersetuju dengan pelaksanaan Malayan Union.⁹⁷ Inilah yang dikatakan pengorbanan. Mereka sanggup mengorbankan kepentingan diri sendiri demi kepentingan bangsa Melayu. Kedudukan tidak bererti lagi bagi mereka, yang pentingnya adalah hak Melayu perlu diperjuangkan sehingga akhir hayat. Oleh itu, mereka telah bersepakat bahawa mereka tidak akan mengiktiraf Malayan Union sehingga kiamat.⁹⁸

Dalam rapat umum-rapat umum yang diadakan di hampir seluruh Tanah Melayu, orang Melayu telah membawa cogan kata seperti "Hidup Melayu", "Peliharalah Hak Melayu" dan sebagainya lagi.⁹⁹ Bagi *Warta Negara*, ini adalah sebagai bantahan yang mereka tunjukkan akibat pelaksanaan Malayan Union

⁹⁷ *Majlis*, 9 Februari 1946.

⁹⁸ *Majlis*, 9 Februari 1946.

⁹⁹ *Warta Negara*, 26 Februari 1946.

yang akan diperkenalkan secara rasmi oleh British pada 1 April 1946 yang dianggap menguburkan hak orang Melayu di Tanah Melayu dan bangsa asing akan berkuasa dan bermaharajalela.

Perlaksanaan Malayan Unionlah telah dapat menyatukan orang Melayu daripada pelbagai lapisan masyarakat dan perusuk tanah air untuk bersatupadu menentang gagasan tersebut. Inilah satu perkara baru yang dalam politik orang Melayu di Tanah Melayu. Sebelum ini politik orang Melayu hanyalah bersifat kedaerahan dan kenegerian. Contohnya, jika dia dilahirkan dan tinggal di Negeri Perak maka dia akan dianggap rakyat negeri Perak atau rakyat raja Perak dan dia tidak akan diakui sebagai rakyat Negeri Pahang walaupun kemudiannya dia berpindah ke Pahang. Satu lagi sikap orang Melayu ialah mereka akan menumpahkan sepenuhnya taat setia mereka kepada negeri dan rajanya.

Warta Negara melihat beberapa penentangan melalui rapat umum yang besar kerap kali berlaku di negeri-negeri di sebelah utara Tanah Melayu antaranya adalah Negeri Kedah. Kedah dianggap negeri yang paling aktif mengadakan demonstrasi ataupun tunjuk perasaan menentang Malayan Union selain daripada Negeri Johor. Di Kedah sahaja beberapa pertubuhan dan kesatuan menggempleng tenaga berusaha untuk menentang Malayan Union. Antaranya yang aktif mengajurkan perjumpaan dan rapat umum menentang Malayan Union adalah terdiri daripada Kesatuan Melayu Kedah, Persatuan Ulamak Kedah dan SEBERKAS. Setiap perjumpaan dan rapat umum yang dilakukan oleh pertubuhan

dan kesatuan ini telah mendapat sambutan yang mengalakkan daripada pelbagai lapisan masyarakat termasuklah daripada kaum ibu.¹⁰⁰

Seperti yang telah diketahui bahawa *Warta Negara* juga tidak mempersetujui rancangan British untuk memperkenalkan Malayan Union di Tanah Melayu. Untuk menunjukkan rasa tidak puas akhbar tersebut maka, pihak akhbar *Warta Negara* telah mengambil keputusan untuk menyiarkan setiap perkembangan mengenai tindakan orang Melayu bangun menentang Malayan Union. Tujuan berita-berita ini dipaparkan adalah untuk menaikkan lagi semangat orang Melayu supaya bangun menentang Malayan Union.

Antara contoh-contohnya, *Warta Negara* banyak menyiarkan berita rasa tidak puas hati orang Melayu terhadap Malayan Union telah dicetuskan melalui beberapa demonstrasi yang telah diadakan di beberapa kawasan di Negeri Kedah. Ini dapat di lihat dalam laporan-laporan serta dalam ruangan pendapat pembaca yang sering disiarkan dalam *Warta Negara*. Menurut *Warta Negara* dalam rapat umum yang diadakan ini turut disertai oleh golongan bangsawan seperti Tunku Abdul Rahman.¹⁰¹ Selain itu juga demonstrasi yang diadakan di Tanah Melayu turut mendapat sokongan beberapa orang pemerintah di Singapura¹⁰² dan juga bekas pegawai British yang pernah berkhidmat di Tanah Melayu sewaktu sebelum Perang Dunia Kedua.

Menurut pihak *Warta Negara* lagi di Kedah pada awal bulan Januari 1946, satu rapat umum telah diadakan oleh orang Melayu Kedah yang bertempat di hadapan halaman Mahkamah Balai Besar sebagai menunjukkan rasa tidak

¹⁰⁰ *Warta Negara*, 30 Mei 1946.

¹⁰¹ *Warta Negara*, 21 Januari 1946.

¹⁰² *Warta Negara*, 4 Mac 1946

bersetuju dengan rancangan untuk mewujudkan Malayan Union di Tanah Melayu.¹⁰³ Rapat Umum itu adalah anjuran Persatuan Melayu Kedah. Dalam Rapat Umum yang diadakan itu lebih daripada 50 ribu orang Melayu Kedah¹⁰⁴ daripada perbagai lapisan masyarakat turut hadir. Tujuan rapat umum itu diadakan adalah untuk membantah pelaksanaan Malayan Union. Sebelum rapat umum itu bermula rakyat Negeri Kedah daripada perbagai kawasan seperti telah berarak lebih daripada dua batu sebelum mereka berkumpul di hadapan Mahkamah berhampiran Balai Besar. *Warta Negara* ada melaporkan berita mengenai rapat umum yang boleh dianggap paling besar yang pernah diadakan pada bulan Januari sebaik sahaja Sir Harold MacMichael berjaya mendapatkan tandatangan kesemua sultan-sultan Melayu dan raja Melayu.

Sebenarnya rapat umum ini telah dihadiri oleh orang Melayu Kedah daripada beberapa jajahan takluk Kedah seperti daripada Kuala Kedah, Kuala Muda, Yan, Kubang Pasu dan sebagainya¹⁰⁵ Di sini *Warta Negara* melihat bahawa walaupun kawasan-kawasan kediaman mereka ini jauh di antara satu sama lain tetapi ini tidak menjadi soal, mereka telah sanggup datang daripada pelbagai perusuk Kedah hanya dengan satu tujuan iaitu untuk membantah pelaksanaan Malayan Union yang mana dianggap mencabul kedaulatan dan hak orang Melayu dan bumi Melayu. Oleh kerana semangat politik yang semakin meluap-luap dalam diri orang Melayu Kedah ini kesempitan hidup jarak perjalanan ataupun wang bukan lagi menjadi persoalan. Mereka rela berkorban apa sahaja termasuk jiwa dan raga semata-mata mahu Tanah Melayu bebas

¹⁰³ *Warta Negara*, 21 Januari 1946.

¹⁰⁴ *Warta Negara*, 21 Januari 1946.

¹⁰⁵ *Warta Negara*, 21 Januari 1946.

daripada penjajahan British yang akan menenyapkan hak orang Melayu melalui pelaksanaan Malayan Union.

Warta Negara melihat bahawa orang Melayu telah bersatu padu menentang Malayan Union. Ini dapat di lihat melalui rapat umum yang di adakan yang telah mendapat sambutan yang hebat daripada orang Melayu. Inilah satu perkara yang baru dalam sejarah tanah air kerana sebelum ini tidak ada perjumpaan ataupun rapat umum sebegini besar diadakan di Kedah walaupun sebelum ini Kedah pernah dijajah oleh Siam dan Jepun tetapi pada zaman penjajahan tersebut tiada bantahan secara besar-besaran dilakukan. Menurut Yahya bin Lebai Ishak kebanyakan lelaki Melayu yang menyertai rapat umum tersebut telah memakai kain pelikat dan bersongkok serta membawa sepanduk yang mengandungi kata-kata yang menunjukkan mereka membantah pengenalan Malayan Union.¹⁰⁶

Sepanduk tersebut ditulis dalam bahasa Melayu yang bertulisan jawi dan bahasa Inggeris dengan menggunakan tulisan rumi.¹⁰⁷ Pada pandangan *Warta Negara* orang Melayu telah sebulat suara tidak bersetuju dengan cadangan menubuhkan Malayan Union walau di manapun mereka berada.¹⁰⁸ Orang Melayu tidak setuju bangsa asing diberi hak setaraf dengan bumiputera.¹⁰⁹ Ini dapat dilihat dan didengar melalui surat yang telah dibaca oleh Tuan Haji Hussin iaitu Yang Di Pertua Kesatuan Melayu Kedah¹¹⁰ di dalam rapat umum yang diadakan itu. Selain itu juga, *Warta Negara* melihat bahawa orang Melayu Kedah yang hadir di dalam

¹⁰⁶ Temuramah dengan Yahya bin di Lebai Ishak di Permatang Kerat Telunjuk, Bandar Baharu, Kedah pada 12.12.2001. di mana sewaktu perarakan tersebut beliau juga turut menyertainya.

¹⁰⁷ *Warta Negara*, 21 Januari 1946.

¹⁰⁸ *Warta Negara*, 6 Februari 1946.

¹⁰⁹ *Warta Negara*, 6 Februari 1946.

¹¹⁰ *Warta Negara*, 21 Januari 1946.

rapat umum tersebut mahukan wujudnya Persatuan Negeri-negeri Melayu yang berteraskan Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri.¹¹¹ Dengan cara ini barulah orang Melayu akan menjadi bertambah kuat dan terkemuka serta maju bukannya melalui Malayan Union yang akan melenyapkan dan melemahkan orang Melayu.

Jika pada masa penaklukan Jepun, mereka ini berjuang dengan mengangkat senjata melawan penjajah tetapi, sekarang mereka hanyalah mengangkat sepanduk dengan pelbagai cogan kata bagi menentang Malayan Union. Inilah yang menariknya satu perjuangan yang tidak menggunakan senjata dalam menentang penjajah. Tanpa pertumpahan darah mereka berjuang bagi membebaskan tanah air dari terus dijajah oleh British yang mahu merampas hak mereka di Tanah Melayu. Di antara sepanduk dan cogan kata yang paling menyentuh hati dan begitu memberikan keinsafan kepada orang Melayu ialah sepanduk yang dibawa oleh kanak-kanak sekolah yang berbunyi: “Wahai ibubapa kami perliharalah hak kami sementara kami besar.”¹¹²

Tidak beberapa lama selepas rapat umum yang terbesar yang berlangsung pada 19 Januari, di bandar-bandar kecil seperti di Kuala Kedah juga telah mengadakan perjumpaan. Bagi *Warta Negara*, perjumpaan ini bertujuan untuk menerangkan kepada masyarakat tentang keburukkan Malayan Union.¹¹³ Penerangan seperti ini adalah perlu diadakan untuk memberitahu kepada masyarakat kampung supaya mereka lebih faham keburukkan Malayan Union yang dianjurkan oleh British.

¹¹¹ *Warta Negara*, 21 Januari 1946.

¹¹² *Warta Negara*, 21 Januari 1946.

¹¹³ *Warta Negara*, 29 Jun 1946

Selain itu juga telah diadakan beberapa lagi bantahan seperti yang dilakukan oleh oleh beberapa pertubuhan dan kesatuan seperti SABERKAS. SABERKAS adalah salah satu pertubuhan yang lantang menyatakan bantahan mereka terhadap pelaksanaan Malayan Union di Tanah Melayu. Oleh itu, SABERKAS telah mengambil perbagai-bagai langkah untuk menyedarkan masyarakat Melayu terutamanya di Kedah tentang menerangkan keburukkan Malayan Union. SABERKAS telah menyatakan pendiriannya menentang Malayan Union.

Kita menuntut hak keadilan dengan gigi dan lidah, kita akan terus bantah Kertas Putih sekiranya ia bererti mencabut hak bangsa kita.¹¹⁴

Selain itu, antara tindakan lain yang dilakukan oleh SABERKAS adalah seperti menampal poster-poster di kawasan yang mudah dilihat oleh orang ramai serta di kawasan-kawasan kampung. Ini dilakukan supaya seluruh orang Melayu bangun menentang Malayan Union. Salah satu poster yang dilekatkan oleh SABERKAS adalah seperti “Bantahan Kerakyatan Yang Sama Rata Antara Kaum”, “Kekalkan Hak Melayu Dan Juga Sultan Serta Negeri Melayu Adalah Bagi Orang Melayu”.¹¹⁵

Selain itu juga Persatuan Ulama Kedah (PUK) turut melahirkan rasa tidak puas hatinya dengan pelaksanaan Malayan Union tersebut. Oleh yang demikian apa yang bergolak dalam Kesatuan Melayu Kedah (KMK) dan SABERKAS tidak dapat dielakkan dari bergolak sama dalam Persatuan Ulama Kedah (PUK). Jika

¹¹⁴ *Warta Negara*, 6 Februari 1946.

¹¹⁵ Baharuddin Abdul Majid, *SABERKAS Pergerakan Dan Perjuangannya 1944-1956, op. cit.*, hlm., 206.

sebelum ini para ulamak didapati kurang membabitkan diri dalam politik tetapi kini keadaan sebaliknya telah berlaku.¹¹⁶

Biar apa pun alasan yang diberikan oleh British, SABERKAS tetap membantah pelaksanaan Malayan Union. Beberapa telegram telah dihantar ke London. Salah satu telegram tersebut dihantar kepada Setiausaha Tanah Jajahan. Kedua, kepada Persatuan Pelajar Melayu di London. Ketiga, kepada ahli-ahli parti politik yang tertentu dan juga beberapa orang pegawai British yang pernah berkhidmat di Tanah Melayu untuk meminta jasa baik mereka agar pelaksanaan Malayan Union tidak dijalankan. Keempat, kepada akhbar-akhbar dan majalah di London seperti *The Time*.¹¹⁷

Manakala di Perak pula satu rapat umum telahpun diadakan untuk membantah Union di Tanah Melayu. Ini kerana menurut *Warta Negara* pelaksanaan Malayan Union akan menghapuskan hak keistimewaan orang Melayu. Dalam rapat umum yang diadakan itu seramai lima ribu orang telah turut serta di samping beberapa orang pembesar Perak.¹¹⁸

Di Pulau Pinang juga beberapa demonstrasi dan bantahan telah dilakukan oleh orang Melayu. Di samping itu juga para alim ulamak Pulau Pinang dan Seberang Perai turut mengadakan perjumpaan bagi membantah pelaksanaan Malayan Union. Ini kerana menurut mereka pelaksanaan Malayan Union akan menghapuskan hak keistimewaan orang Melayu.

¹¹⁶ Azmi Saad, "Negeri Kedah 1945-1957, Satu Kajian Politik Orang-orang Melayu," (Latihan Ilmiah Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 1979), hlm. 73

¹¹⁷ Baharuddin Abdul Majid, *SABERKAS Pergerakan Dan Perjuangannya 1944-1955*, *op. cit.*, hlm. 205.

¹¹⁸ *Warta Negara*, 4 April, 1946.

Di Johor pula, demonstrasi untuk membantah Malayan Union turut diadakan oleh orang Melayu Johor. Dato' Onn telah menubuhkan Pergerakan Melayu Semenanjung Johor (PMSJ). Pergerakan ini telah mengadakan demonstrasi dengan disertai seramai 15 ribu orang di mana sebanyak 450 daripadanya adalah terdiri daripada golongan wanita.¹¹⁹

Selain itu juga, *Warta Negara* turut menyiarkan berita mengenai penduduk Johor Baharu begitu lantang menyuarakan rasa tidak puas hati mereka terhadap rancangan Malayan Union. *Warta Negara* melihat bahawa Dato' Onn adalah diantara pembesar Melayu yang memainkan peranan yang besar dalam menentang Malayan Union di Johor dan seluruh Tanah Melayu. Ini boleh dilihat menerusi peranan yang dimainkan oleh Dato' Onn dalam menaikkan semangat orang Melayu menentang Malayan Union.

Di samping itu juga menurut *Warta Negara* lagi, orang Melayu Johor sudah tidak mengaku Sultan Abu Bakar sebagai rajanya lagi kerana terlalu marah dengan tindakan Sultan Abu Bakar menandatangani Perjanjian Malayan Union.¹²⁰ Ini merupakan bantahan dan kecaman yang dianggap paling hebat dan keras yang diterima oleh Raja-raja Melayu. Oleh itu, satu demonstrasi besar-besaran telah diadakan di Balai Jamuan Masjid Abu Bakar pada 1 Februari 1946 yang telah dihadiri oleh lebih daripada seribu orang Melayu¹²¹ daripada pelbagai lapisan. Sebagaimana yang sudah kita maklum perjumpaan itu diadakan adalah bertujuan untuk membantah pelaksanaan Malayan Union di Tanah Melayu serta

¹¹⁹ *Malayan Tribune*, 13 Disember 1946.

¹²⁰ *Warta Negara*, 7 Februari 1946

¹²¹ *Warta Negara*, 7 Februari 1946

membantah tindakan Sultan Johor menandatangani Perjanjian Malayan Union tersebut.

Dalam demonstrasi tersebut, *Warta Negara* telah menyatakan bahawa Mufti Negeri Johor iaitu Haji Hassan Yunus dengan beraninya telah mengeluarkan fatwa yang berbunyi:

“...Kerajaan dan bumi ini bukanlah Sultan yang empunya, bahkan rakyat negeri dan sultan hanya menjadi sebagai ketua.”¹²²

Kemudiannya beliau menambah lagi,

“...Jika ada sesuatu pekerjaan yang hendak dilakukan mestilah dengan jalan muafakat dengan segala menteri dan pegawai-pegawainya.”¹²³

Berdasarkan kenyataan, ini *Warta Negara* berpendapat, Sultan Johor langsung tidak berunding dengan para pembesarnya termasuklah Menteri Besar sewaktu hendak menandatangani Perjanjian Malayan Union pada 20 Oktober 1945. Dakwaan ini disahkan sendiri oleh Menteri Besar Johor pada masa itu iaitu Ungku Aziz yang telah mendakwa bahawa Sultan Ibrahim langsung tidak berbincang dengan beliau ataupun dengan menteri atau pegawai yang lain.¹²⁴

Kita dapati bahawa, rakyat secara terang-terang tidak merestui tindakan Sultan Johor yang dianggap oleh orang Melayu Johor telah ‘mengadaikan’ kedaulatan negeri Johor serta ‘menjual’ hak orang Melayu dengan cara menandatangani Perjanjian Malayan Union demi menjaga kepentingan dan kedudukannya kerana takut diturunkan tahta. Selain itu juga, pada pandangan *Warta Negara* Ungku Aziz dengan lantang dan berani turut menuntut supaya

¹²² *Warta Negara*, 7 Februari 1946.

¹²³ *Warta Negara*, 7 Februari, 1946

¹²⁴ *Warta Negara*, 7 Februari 1946.

orang Melayu Johor tidak lagi menumpahkan taat setia mereka kepada Sultan Ibrahim dan perbuatan Sultan Johor ini boleh dihukum kerana melanggar amanah yang telah diberikan oleh rakyat.¹²⁵ Oleh itu perbuatan orang Melayu Johor ini tidak boleh dianggap derhaka kepada Sultan Johor kerana untuk menjaga kedaulatan bangsa Melayu dan sultan sendiri telah mengkhianati mandat yang telah diberikan oleh rakyat kepadanya.¹²⁶

Warta Negara begitu terharu dengan penglibatan dan kehadiran kaum wanita dalam setiap rapat umum atau demonstrasi yang diadakan. Selain itu, kaum wanita juga dengan beraninya telah bangun menentang Malayan Union ini. Ini telah dapat dilihat di dalam rapat umum yang diadakan di Batu Pahat Johor, di mana Cik Zaharah iaitu salah seorang ahli Pertubuhan Pergerakan Melayu Johor dan juga seorang guru telah bangun dan bersemangat memberikan ucapan di hadapan wakil pemerhati khas kerajaan British.¹²⁷ Dalam ucapannya itu Cik Zaharah telah menyelar tindakan MacMichael dan Kerajaan British iaitu dengan berkata:

“Kami kaum perempuan amat terkejut manakala kami telah di ketepikan oleh Sir Harold MacMichael. Kami tidak akan bersetuju sama sekali kepada Malayan Union walau apa terjadi sekalipun. Kami membantah sekeras-kerasnya, kami akan bekerja dengan orang lelaki kami untuk merebut kembali hak-hak kami. Pendeknya kami tidak suka kepada Malayan Union itu.”¹²⁸

Selain itu juga menurut *Warta Negara* lagi, orang Melayu di Johor Baharu sekali lagi turut membantah atau mengadakan demonstrasi dengan membawa

¹²⁵ *Warta Negara*, 15 Februari 1946

¹²⁶ *Warta Negara*, 8 Februari 1946.

¹²⁷ Shaharom Hussain, *Biografi Perjuangan Dato' Onn Ja'afar*, Petaling Jaya, Fajar Bakti Sdn Bhd., 1985, hlm. 24.

¹²⁸ Ibrahim Mahmood, *Sejarah Perjuangan Bangsa*, op. cit., hlm. 120.

pelbagai sepanduk yang antaranya berbunyi “Runtuhkan Malayan Union”, “Panjangkan Usia Orang-orang Melayu”, dan “Orang-orang Melayu Berkehendakkan Keamanan dan Keselamatan.”¹²⁹ Menerusi sepanduk-sepanduk yang telah dibawa, *Warta Negara* telah melihat betapa orang Melayu tidak merestui Pelaksanaan Malayan Union di Tanah Melayu. Pengenalan dan pelaksanaan Malayan Union telah membawa kepada perpaduan orang Melayu dan seterusnya bangun menentang dengan cara mengadakan demonstrasi dan rundingan tanpa pertumpahan darah.

Selain itu juga, di Selangor pula Persatuan Melayu Selangor yang telah mengadakan mesyuarat pada 21 Januari 1946 telah bersetuju dan bersepakat untuk menghantar memorandum bantahan kepada Pejabat Tanah Jajahan mengenai pemberian kerakyatan yang longgar kepada bukan Melayu.¹³⁰

Begitu juga dengan Negeri Kelantan, ketika berlangsungnya majlis menandatangani Perjanjian Malayan Union diantara Sultan Kelantan dengan MacMichael seramai 10 ribu orang Melayu telah mengadakan tunjuk perasaan di Kota Bahru Kelantan. Rapat umum atau demonstrasi tersebut adalah di bawah anjuran Kesatuan Melayu Kelantan dipimpin oleh Kadir Adabi.¹³¹ Menurut *Warta Negara*, tunjuk perasaan tersebut diadakan adalah bertujuan untuk membantah pelaksanaan Malayan Union di Tanah Melayu. Ketika berlangsungnya tunjuk perasaan tersebut Persatuan Melayu Kelantan telah menuntut bahawa negeri Kelantan adalah bukan hak milik British dan mereka menyatakan bahawa Kelantan dan Tanah Melayu adalah hak milik orang Melayu.

¹²⁹ *Warta Negara*, 23 Mei 1946.

¹³⁰ *Warta Negara*, 15 Februari 1946

¹³¹ *Warta Negara*, 2 Februari 1946.

British tidak berhak menguasai negeri Kelantan. Pembesar Melayu Kelantan juga telah menghantar telegram kepada kerajaan British di London membantah Kesatuan Melayu.¹³²

Kesimpulan

Pandangan serta pendedahan *Warta Negara* terhadap tindakan orang Melayu menentang rancangan British untuk memperkenalkan Malayan Union telah menunjukkan bahawa orang Melayu telah mempunyai kesedaran dalam politik. *Warta Negara* begitu menyokong tindakan yang dilakukan oleh orang Melayu dalam usaha menentang Malayan Union. *Warta Negara* telah melihat bahawa orang Melayu telah sedar betapa perlunya mereka mempertahankan tanah air mereka tanpa perlu bergantung kepada pihak asing iaitu penjajah untuk melindungi Tanah Melayu. Pengalaman Tanah Melayu sewaktu dijajah dan diperintah oleh Jepun selama tiga tahun lapan bulan yang masih segar diingatan orang Melayu.

Kesedaran politik yang tinggi di kalangan orang Melayu dan keinginan untuk membebaskan Tanah Melayu daripada terus dijajah adalah hasil pendedahan yang dibuat oleh akhbar *Warta Negara* dan beberapa akhbar lagi seperti *Majlis* dan *Utusan Melayu*. Kita boleh membuat kesimpulan, bahawa sokongan yang diberikan oleh *Warta Negara* telah menyemarakkan lagi kelantangan suara orang Melayu dalam demonstrasi menentang Malayan Union telah membuka mata hati raja-raja Melayu yang selama ini hanya menjadi boneka British bahawa orang Melayu bukan lagi bodoh dan mudah diperkotak-katikkan

¹³² *Warta Negara*, 6 Februari 1946.

serta menurut sahaja apa yang dilakukan oleh raja mereka tanpa sebarang bantahan kerana takut ditimpa tulah. Penentangan yang hebat yang dilakukan oleh orang Melayu ini akhirnya telah membawa kepada wujudnya Kongres Melayu Semalaya yang bakal membela nasib orang Melayu di seluruh Tanah Melayu yang tercinta.